

13/09/2003

Bank Negara terbit Bon Merdeka khas untuk pesara

KUALA LUMPUR: Bank Negara Malaysia (BNM) akan menerbitkan Bon Merdeka khusus kepada golongan pesara yang tidak mempunyai pekerjaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata bon itu akan diterbitkan secara berkala dengan tempoh matang dua tahun akan memberikan pulangan lima peratus, iaitu melebihi kadar faedah simpanan.

Beliau berkata, terbitan Bon Merdeka itu sejajar dengan keprihatinan kerajaan dalam membantu golongan pesara mendapatkan pulangan lebih baik.

"Kerajaan juga mencadangkan pulangan daripada bon itu dikecualikan daripada cukai pendapatan," katanya.

Mengenai usaha menggalakkan terbitan sekuriti hutang bersandarkan aset (ABS) di pasaran modal tempatan, Dr Mahathir berkata, kerajaan mencadangkan supaya ia diberikan layanan cukai yang sama dengan terbitan sekuriti biasa.

Kerajaan juga mencadangkan perbelanjaan berkaitan terbitan ABS diberikan pemotongan cukai selama lima tahun.

"Pasaran modal terus memainkan peranan penting dalam membiayai pembangunan ekonomi negara, terutamanya dalam menyediakan peluang mendapatkan modal bagi syarikat," kata Perdana Menteri.

Sejak 2001, kira-kira RM99 bilion sudah diperolehi daripada pasaran modal dalam bentuk bon dan ekuiti.

Di samping itu, kerajaan juga sudah meluluskan 13 ABS bernilai RM7 bilion.

Dr Mahathir berkata, prestasi pasaran modal yang memberangsangkan itu adalah hasil pelaksanaan inisiatif di bawah Pelan Induk Pasaran Modal serta 10 langkah memantapkan lagi pasaran modal yang diumumkan Kerajaan pada Mac lalu.

Beliau berkata, bagi memaksimumkan pulangan, kerajaan akan mengambil langkah merealisasikan asetnya supaya ia secara langsung akan menambah kewangan kerajaan, di samping memberi peluang kepada pihak tertentu mengguna aset berkenaan untuk menjana pulangan.

Katanya, ia sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

"Kerajaan juga mempunyai banyak aset bernilai tinggi dan masih belum digunakan sepenuhnya," katanya.

Perdana Menteri berkata, salah satu daripada 10 langkah yang dilaksanakan untuk memantapkan pasaran modal ialah dengan menggalakkan syarikat besar termasuk Felda disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Beliau berkata, saham Felda yang bakal menjadi syarikat perladangan terbesar di dunia dijangka berupaya menjadi antara saham mewah di BSKL, sekali gus berupaya memperkenalkan Felda sebagai jenama antarabangsa.

"Dengan penyenaaraiannya, Felda berupaya mendapatkan modal dari pasaran dan tidak lagi perlu bergantung kepada kerajaan untuk sumber kewangannya. Pada masa sama, kerajaan berpeluang mendapat pulangan daripadanya.

"Ia akan memberi faedah kepada Kumpulan Felda, peneroka dan koperasi serta kerajaan negeri yang memberi tanah untuk dibangunkan sebagai ladang Felda," katanya.

Beliau berkata, cadangan itu juga adalah sejajar matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan membolehkan Bumiputera memiliki ekuiti sekurang-kurangnya 30 peratus dalam sektor korporat.

Perdana Menteri bagaimanapun berharap saham itu tidak dijual oleh Bumiputera.